

D Isi tempat kosong dengan kata nama am atau kata nama khas dalam petikan di bawah. SP 5.1.1(i)(ii)

Proton Persona
Melaka

adik
beca
maskot

Si Comel
Encik Samsuri
restoran

meriam
Kota A Famosa

Pada hari Sabtu yang lalu, saya dan keluarga berkunjung ke

(1) _____.

Kami pergi ke sana dengan menaiki

(2) _____.

Ketika itu ekspo Karnival Sayang Melaka sedang berlangsung.

Di karnival itu, kami dapat



melihat pelbagai pameran tentang negeri tersebut. Saya dan keluarga turut bergambar dengan (3) _____ kancil yang dinamakan

(4) _____.

Seterusnya, saya sekeluarga turut melawat di sekitar (5) _____ yang dibina oleh Portugis. Kami bergambar di

tepi dua pucuk (6) _____ yang terdapat di hadapan kota

tersebut. Selain itu, kami juga melawat ke beberapa tempat tinggalan sejarah.

Saya dan (7) _____ mengambil peluang untuk menaiki

(8) _____ yang dihiasi cantik mengelilingi bandar.

Sebelum pulang, kami berehat dan makan tengah hari di sebuah (9) _____.

Pemiliknya, (10) _____ merupakan kenalan ayah. Saya berasa seronok dapat bercuti dengan keluarga.